

PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
PARAS 7, BLOK J,
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2586900
Fax : 03-2535150

Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

KP (BS)8591/Jld.XVII(3)
28 Mac 2003

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/2003:
KE ARAH MEMBUDAYAKAN NILAI BERTERIMA KASIH**


Matlamat Kementerian Pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Matlamat ini boleh dicapai melalui pendekatan kurikulum dan kokurikulum. Pihak sekolah pula telah diminta supaya memberi penekanan kepada pemupukan nilai melalui penerapan nilai-nilai murni menerusi kurikulum. Nilai-nilai murni ini termasuklah nilai bersyukur dan nilai berterima kasih.

2. Banyak pihak telah menegur budi pekerti murid yang seolah-olah bersikap tidak berterima kasih dan bersyukur. Tidak berterima kasih maksudnya tidak memberikan ucapan pembalasan budi dengan hati yang ikhlas, dengan suara yang jelas dan bermuka manis selepas menerima sesuatu. Keadaan ini jika dibiarkan boleh mengikis budaya berterima kasih yang sewajarnya menjadi amalan dan warisan bangsa.

3. Kementerian Pendidikan berpendapat langkah-langkah segera perlu diambil untuk meningkalkan amalan berterima kasih di kalangan murid sekolah. Pendekatan dan penyertaan yang bersepadu daripada semua pihak seperti guru, ibubapa dan masyarakat, harus digembelingkan dalam menentukan kejayaan usaha murni ini. Sehubungan itu, pelaksanaan aktiviti membudayakan nilai berterima kasih hendaklah dilaksanakan di semua peringkat iaitu peringkat sekolah, daerah dan negeri seperti yang dinyatakan dalam "*Panduan Pelaksanaan Aktiviti Pembudayaan Nilai Berterima Kasih Di Sekolah*" (Lampiran A)

4. Sila maklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia